

LEMBAGA PERSARAAN CARUMAN TAMBAHAN (SCP)

PERADUAN MEREKACIPTA LOGO LEMBAGA PERSARAAN CARUMAN TAMBAHAN

Lembaga Persaraan Caruman Tambahan, Kementerian Kewangan mengadakan peraduan mencipta logo bagi memilih satu LOGO yang terbaik sebagai logo korporatnya.

PENGENALAN RENGKAS MENGENAI SCP

1. Lembaga SCP ditubuhkan pada 1 Januari 2010 dengan tanggungjawab sebagai 'trustee' kepada dana Skim Persaraan Caruman Tambahan (Skim SCP).
2. Selaras dengan penubuhan Lembaga SCP, skim SCP mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010. Skim SCP adalah merupakan skim persaraan tambahan kepada skim TAP.
3. Objektif utama Skim SCP ialah untuk memastikan semua peserta Skim SCP, yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, menerima bayaran pendapatan bulanan minimum (anuiti) sebanyak B\$150 setelah mencapai umur persaraan mandatori iaitu genap umur 60 tahun.
4. Syarat-syarat untuk menjadi ahli Skim SCP ialah:
 - Rakyat atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
 - Berumur 18 tahun hingga 60 tahun;
 - Berkhidmat dengan sektor swasta atau sektor awam;
 - Tidak menerima Pencen Perkhidmatan Awam atau bekerja dalam skim berpencen Perkhidmatan Awam; dan
 - Mereka yang bekerja sendiri adalah digalakkan menyertai Skim SCP.
5. Kadar caruman SCP ialah seperti berikut:
 - Jumlah keseluruhan kadar caruman setiap peserta dan majikan adalah sebanyak 7%. Kadar caruman minima ialah 3.5% dari gaji peserta manakala majikan menyumbangkan dengan jumlah yang sama iaitu pada kadar 3.5% berdasarkan gaji pekerja berkenaan.

- Jumlah caruman minimum ialah B\$17.50. Jika pekerja tidak dapat menyumbangkan dengan jumlah ini kerana gaji rendah (dibawah B\$500 sebulan), Kerajaan akan membuat *top-up* bagi memastikan jumlah caruman yang dibayar mencapai B\$17.50. Akan tetapi, majikan masih diperlukan untuk mencarum pada jumlah B\$17.50.
- Walaubagaimanapun, untuk tidak membebankan majikan, jumlah caruman maksima yang dikehendaki dibuat oleh majikan ialah B\$98.
- Majikan dan Pekerja boleh mencarum melebihi daripada kadar caruman minimum atau jumlah caruman maksima secara sukarela.
- Bagi peserta yang bekerja sendiri pula, peserta hendaklah membuat caruman secara berterusan pada setiap bulan sebanyak B\$17.50. Kerajaan akan mencarumkan sebanyak B\$17.50 ke dalam akaunnya sebagai ganti (*matching*) kepada caruman Majikan.

SYARAT-SYARAT PERADUAN

Syarat-Syarat Am:

1. Peraduan dibukakan kepada semua Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Rekacipta mestilah asli dan belum pernah dipertandingkan;
3. Para peserta dibenarkan menghantar tidak lebih dari 2 penyertaan sahaja;
4. Peyertaan hendaklah disertakan tafsiran rekabentuk, konsep dan warna. Warna dasar logo akan dijadikan warna korporat Lembaga SCP;
5. Semua penyertaan tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik Lembaga SCP;
6. Nombor Kad Pengenalan dan Nama peserta hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di sebelah belakang kertas lukisan penyertaan;
7. Lembaga SCP akan menggunakan rekacipta yang berjaya sebagai logo korporatnya yang antarlainnya digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:
 - i. Letterhead/Minute
 - ii. Sampul Surat
 - iii. Branding
 - iv. Publication/Banner/Flyer/Brochure/Leaflet/dan lain-lain

- v. Lain-lain tujuan yang memerlukan logo resmi.
- 8. Rekacipta boleh menggunakan perisian komputer (*computer software*);
- 9. Borang Penyertaan Peraduan Merekacipta Logo Lembaga SCP boleh diperolehi dari mana-mana kaunter-kaunter cawangan Tabung Amanah Pekerja pada waktu-waktu bekerja, atau di 'download' daripada laman web SCP www.mof.gov.bn. Penyertaan yang diterima tanpa mengisikan borang penyertaan dengan lengkap tidak akan dilayan;
- 10. Semua penyertaan hendaklah dihadapkan di dalam 'hardcopy' dan 'soft copy' berserta dengan Borang Penyertaan Peraduan Merekacipta Logo Lembaga SCP yang telah lengkap diisi dan dihantar kepada;

**UNIT SCP, KEMENTERIAN KEWANGAN
TINGKAT 4, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWANA BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- 11. Tarikh tutup penyertaan ialah pada hari Selasa 31 Ogos 2010 @ 1.30 petang. Penyertaan yang diterima selepas waktu dan tarikh ini tidak akan dilayan;
- 12. Pemenang akan diumumkan melalui surat akhbar tempatan;
- 13. Keputusan hakim adalah muktamad.

Syarat-Syarat Khusus

- 1. Logo hendaklah direka dengan memasukkan perkataan **SUPPLEMENTAL CONTRIBUTORY PENSION (SCP) BOARD** dan di dalam tulisan jawi **LEMBAGA PERSARAAN CARUMAN TAMBAHAN**;
- 2. Logo yang direkacipta hendaklah tidak melebihi 5 kombinasi warna termasuk warna dasar;
- 3. Rekacipta hendaklah dibuat di atas kertas A4 yang putih;
- 4. Rekabentuk logo hendaklah boleh meyampaikan 'message' objektif Skim SCP dan kepentingan menabung untuk hari persaraan kepada semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Hadiah

1. Hanya satu rekacipta sahaja yang akan dipilih menjadi pemenang;
2. Pemenang akan menerima wang tunai sebanyak B\$1,500.00. Tempat ke-dua dan ke-tiga akan mendapat saguhati sebanyak B\$200 seorang.

Keterangan Lanjut

Untuk keterangan lanjut mengenai peraduan ini dan juga Skim SCP, sila hubungi:

Unit SCP, Kementerian Kewangan
Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2384302
Atau hantar email kepada: scp@mof.gov.bn